

Terapi Penagihan Dadah Berasaskan Akidah

Abdulloh Salaeh

Abdulloh@usim.edu.my

Syed Najihuddin Syed Hasin, Mohd Zohdi Mohd,
Maisarah Saidin, Adnan Mohamed Yusoff , Mahsor Yahya.
Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrak

Penyalahgunaan dadah merupakan masalah sosial yang dihadapi oleh hampir kesemua negara di dunia pada hari ini. Penagihan dadah khususnya dalam kalangan golongan muda di Malaysia merupakan ancaman utama kepada pembangunan dan kemajuan negara. Peningkatan statistik penagihan dadah saban tahun merupakan kerugian yang besar kepada negara. Ini kerana, dana kewangan negara telah banyak dihabiskan untuk mengekang masalah ini, namun hasil yang didapati tidak mencapai sasaran yang diinginkan. Aspek akidah dipercayai merupakan komponen terpenting dalam merawat dan memulihkan ketagihan dadah. Hal ini kerana akidah merupakan kunci utama hubungan dan keyakinan umat Islam kepada Allah SWT. Justeru itu, artikel ini bertujuan mengenalpasti kaedah pemulihan dadah berasaskan metode Islam yang menggunakan aspek akidah seperti zikir kalimah thaiyibah dan sebagainya. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti keberkesanan kaedah tersebut dalam pemulihan yang dijalankan. Kajian ini menggunakan kaedah analisa kualitatif berdasarkan hasil pemerhatian dan temubual bersama beberapa tenaga pengurusan pusat pemulihan. Dapatan kajian menunjukkan elemen penghayatan akidah iaitu kefahaman, perasaan dan amalan, kepercayaan, pengharapan, pengawasan, konsep balasan, nilai ketaatan, pengawasan, kepatuhan serta pengurusan diri menyumbang kepada daya tahan individu. Oleh yang demikian, elemen-elemen ini hendaklah digunakan dan diperkasakan sebagai strategi pencegahan dadah dalam program rawatan dan pemulihan di negara ini.

Kata kunci: Terapi, Dadah, Akidah, Remaja

1.0. Pendahuluan

Penagihan dadah merupakan masalah sosial yang dihadapi oleh hampir kesemua negara di dunia pada hari ini. Masalah ini dilihat sebagai masalah sejagat yang menyumbang kepada peningkatan statistik penagihan dadah pada setiap tahun dan menjadi isu penting yang perlu diperhatikan (Amran Idris, Fuziah Shaffie , Saralah Devi Mariamdarani , 2020:79). Walaupun setiap agama menganggap dadah lebih banyak membawa keburukan berbanding kebaikan, kes penagihan dadah tetap meningkat tahun demi tahun di Malaysia (Sabir Abdul Ghani 2014) dan masalah ini memerlukan jalan penyelesaian yang berkesan.

Rasulullah SAW bersabda dalam hadithnya:

الدين النصيحة لله ولرسوله ولأئمة المسلمين وعامتهم

Bermaksud:

Agama itu nasihat bagi Allah swt, bagi Rasulnya, bagi para pemimpin kaum Muslimin, dan bagi orang ramai” (Muslim ,T.T, Hd55, H74.)

Jelas maksud hadith di atas ini bahawa agama Islam adalah nasihat untuk mereka menjalani kehidupan dan sememangnya menunjukkan bahawa nasihat di dalam Islam boleh digunakan sebagai salah satu rawatan untuk penagihan dadah.

Di dalam hadith yang lain, daripada Anas bin Malik RA, bahawa Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ حَيْثُ خَلَقَ الدَّاءَ، خَلَقَ الدَّوَاءَ، فَتَدَاوُوا

Bermaksud:

Sesungguhnya ketika Allah menciptakan penyakit, diciptakan juga penawar. Maka berubatlah kamu” (Ahmad Bin Muhamd Ibnu Hambal, 1998. Hd 12624, h 156).

Dapat difahami dari hadith di atas bahawa setiap penyakit itu pasti ada ubat yang boleh merawatnya menurut pandangan sains terhadap penagih dadah itu selepas menjalankan kajian. Maka terdapat bukti-bukti saintifik yang menunjukkan bahawa sebenarnya penagihan dadah boleh dirawat (Hadijah Babah 2018).

Walaupun terdapat pelbagai penyelidikan tentang rawatan pemulihan penagihan dadah, namun masih ada ramai individu di luar sana yang kembali mengambil dadah selepas menjalani rawatan. (<https://www.adk.gov.my/en/public/drugs-statistics/>) Ini bermakna masih ada kekurangan dalam rawatan pemulihan dadah yang sedia ada.

Mengikut (Hadijah Baba, 2018, h 34) “Berpendapat bahawa dalam sejarah pengalaman penagihan dadah ini diharapkan dapat membantu pembentukan profil psikologi penagih dadah berulang, usaha pencegahan dadah secara holistik samaada terhadap penagih baru atau berulang serta memantapkan model rawatan dan pemulihan dadah sedia ada yang memerlukan input-input baru untuk menjadikan ia lebih berkesan” Maka apabila melihat artikel tersebut Ia memerlukan penambah baikkan terhadap rawatan pemulihan tersebut iaitu dengan cara menekankan rawatan terapi berdasarkan aspek aqidah. Hal ini adalah penting untuk mengelak daripada individu yang telah pulih, kembali kepada dadah selepas menjalani rawatan di pusat pemulihan. Tambahan pula, pemulihan berbentuk rohani sebenarnya adalah jalan yang terbaik untuk merawat penyakit penagihan dadah kerana dia akan mewujudkan ke atas diri penagih sendiri dengan iman yang yakin dan takut kepada Allah SWT sehingga tidak mahu kembali kepada maksiat lagi.

1.1. Faktor-faktor menyebabkan penagihan dadah

Terdapat faktor-faktor yang menyumbang kepada penagihan dadah dan antaranya ialah kurangnya ilmu pengetahuan tentang bahaya dadah. Sebenarnya remaja-remaja di

negara kita tidak mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang kesan negatif penggunaan dadah. Tanpa mereka sedari, dadah boleh menyebabkan pemikiran seseorang itu menjadi tidak waras dan gagal untuk membuat keputusan yang rasional dan juga seterusnya akan membawa kepada kesan-kesan negatif dan juga kematian. (Norazleen Binti Mohamad Noor 2015)

Dadah juga di sebut dalam hadith Nabi dan Sabda Rasulullah SAW :

كُلُّ مُسْكِرٍ خَمْرٌ، وَكُلُّ مُسْكِرٍ حَرَامٌ

Maksudnya:

Setiap yang memabukkan itu khamr dan setiap yang memabukkan itu haram.

(Muslim, Kitab al-Ashribah, Bab Bayan Anna Kulli Muskir Khamr, no. 2003)

Jelas di atas bahawa “setiap yang memabukkan itu haram” ialah pengharaman bagi setiap yang memabukkan sama ada dengan cara minuman atau dalam bentuk lain. Oleh itu, pengambilan ganja dan sebagainya termasuk di dalam kategori ini. Maka perkara ini termasuk dalam dosa besar dan hukum haram seperti meminum arak kerana berkhayal serta mempunyai kesan ketagihan (Ibn Hajar al-‘Asqalani, 2014). Setiap yang berpotensi menghilangkan fungsi akal adalah haram biarpun ia tidak menyebabkan berkhayal dan halusinasi (Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman 2019, 51-52).

Islam juga menegaskan dan mementingkan kesejahteraan dalam segenap aspek. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Abu Said al-Khudri RA:

لَا ضَرَّ وَلَا ضَرَّارٌ

Maksudnya:

Tidak memudaratkan dan tidak mendatangkan mudarat

Penyalahgunaan dadah juga berlaku kerana tekanan daripada masalah-masalah yang dihadapi seperti masalah peribadi, keluarga dan kerja. Oleh yang demikian, apabila berlaku tekanan emosi yang keterlaluan, seseorang itu akan mengalami kemurungan sehingga tidak mampu untuk berdepan dengan tekanan tersebut. Akhirnya, sebagai jalan penyelesaian mereka mengambil jalan mudah dengan menjadikan dadah sebagai teman setia yang membolehkan mereka melupakan tekanan yang dihadapi. Contohnya, kesibukan ibu bapa dengan pekerjaan mereka telah menyebabkan anak-anak merasa terasing dan jauh daripada ibu bapa. Keterlibatan remaja dengan dadah kononnya diharap mampu menarik perhatian ibu bapa untuk kembali memberi perhatian kepada mereka. Namun keterjebakan tersebut akhirnya menjadi perangkap diri mereka apabila rata-rata yang terlibat gagal untuk lolos dari keterjebakan diri tersebut. (Nurafifah Binti Kamarudin 2015) Adapun juga ia berlaku kerana pengaruh buruk dari orang sekeliling, sebagai contoh ahli keluarga yang juga terlibat dalam penagihan dadah dan juga rakan sebaya. Hal ini berlaku kerana mereka tidak mahu ditinggalkan oleh rakan-rakan, maka pada peringkat awal mereka mengambil dadah dengan sebab supaya diterima di dalam kelompok rakan-rakannya dan pada akhirnya menjadi perangkap kepada diri sendiri. Menurut teori keakuran atau conformity, seseorang itu melakukan sesuatu perkara untuk diterima oleh kelompok majoriti yang berada di sekeliling mereka. Selain itu, ianya dilakukan demi menjaga norma agar tidak melukakan hati kelompok terbabit dengan harapan agar terus diterima oleh ahli-ahli di dalam kumpulan tersebut. Pengecualian terhadap sesuatu tindakan itu dianggap seperti memalukan diri sendiri. Kerana itulah mereka menurut kehendak dan pegangan keseluruhan ahli yang terbabit. (Norazleen Binti Mohamad Noor 2015) Bahkan bukan itu sahaja, faktor ingin tahu tentang dadah juga menjadi antara faktor utama dalam penagihan dadah. (Rokiah Ismail 2010) Hal ini berlaku apabila pada peringkat awal mereka mengambil dadah dengan hasrat ingin tahu tentang dadah, namun pada akhirnya mereka terjebak dalam penagihan dadah. Dan jelas bahawa faktor-faktor sebagaimana yang telah dikaji oleh (Mohamad Hilmi Mat Said, 2020, h 40) dalam artikelnya "*faktor utama telah dikenalpasti daripada kajian yang*

dijalankan”. Faktor-faktor tersebut adalah merupakan faktor agama OKP itu sendiri dari segi pengamalan dalam kehidupan, faktor keluarga yang menyumbang kepada sokongan atau penolakan kepada OKP ini, persekitaran sosial...” dan kajian ini dapat menyokong faktor-faktor diatas.

1.2 Remaja Adalah Amanah Allah S.W.T

Peranan keluarga dan penjaga adalah sangat penting dalam mendidik anak remaja oleh kerana masa remaja adalah masa yang penuh dengan cabaran. Pada masa sekarang, pengaruh faktor individu remaja itu sendiri dan di luar keluarga sangat dominan. "Pengaruh faktor persekitaran dan rakan sebaya sangat menentukan dalam corak tingkah laku seorang remaja" (Syarifah Gustiawati Mukri. 2015. 46).

Konteks remaja atau belia, dalam pandangan Islam juga merupakan amanah dari Allah SWT yang dipertanggungjawabkan kepada ibu bapa mereka. Imam al-Ghazali dalam bukunya *Ihya Ulumiddin* menjelaskan tentang pembiasaan anak-anak dengan tingkah laku baik atau buruk mengikut kecenderungan dan naluri mereka 25. Ia berkata:

“ Anak-anak adalah amanah bagi ibu bapa mereka. Hati suci mereka adalah permata yang sangat mahal. Sekiranya ia dibentuk kepada kejahatan dan dibiarkan sebagai binatang, ia akan dirugikan dan binasa. Walaupun mempertahankannya adalah usaha untuk mendidik dan mengajar moral yang baik ...” (Imam Ghazali, 1993. 21).

Jelas diatas bahawa anak adalah amanah bagi kedua ibu bapanya. Anak adalah permata yang sangat mahal harganya. Jika dibiarkan pada kejahatan maka ia akan menjadi celaka dan binasa. Walaupun mempertahankannya adalah usaha untuk mendidik dan mengajar akhlak yang baik ... ”.

Dan manusia yang paling baik disisi Allah SWT ialah mereka yang bertaqwa sebagai mana firman Allah SWT dalam surah al-Hujurat ayat 13:

Maksudnya:

” ... Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu adalah yang paling taqwa di antara kamu”

2.0. Ancaman dadah terhadap keselamatan individu dan komuniti

Keselamatan individu dan komuniti ini adalah salah satu elemen asas dalam konsep keselamatan insan yang akan menjamin kesejahteraan rakyat sesebuah negara. Dalam membahaskan tentang ancaman keselamatan individu dan komuniti disebabkan dadah, kesejahteraan kehidupan untuk masyarakat perlu diketengahkan dan dititik beratkan (Zarina Othman 2015). Terdapat ancaman dan penagih dadah yang susah dan sukar manakala pendekatan menangani dadah melalui pencegahan adalah bertepatan dengan strategi utama negara dalam memerangi dadah dan pencegahan merupakan langkah yang bertepatan kerana ia menyasarkan kepada punca untuk menghentikannya (Rosni Wazir.2020. h 393) Penagihan dadah juga berkait rapat dengan peningkatan jenayah-jenayah seperti merompak, merogol dan seumpamanya. Hal ini boleh mengancam kesejahteraan dan keselamatan individu, komuniti dan negara itu sendiri.

2.1. Pengenalan Qada' dan Qadar

Setengah dari rukun iman ialah percaya kepada Qada' dan Qadar ,Terlebih dahulu, harus difahami bahawa setiap perkara yang berlaku semuanya di atas Qada' dan Qadar Allah SWT. Ini bertetapan dengan firman Allah SWT:

إِنَّا كُلَّ شَيْءٍ خَلَقْنَاهُ بِقَدَرٍ

Maksudnya:

Sesungguhnya Kami menciptakan tiap-tiap sesuatu menurut takdir atau qadar yang telah ditentukan.

Surah Al-Qamar Ayat 49

Pada masa yang sama harus difahami, ini tidak bermaksud untuk tidak berusaha untuk melakukan perkara-perkara yang diperintah oleh Allah swt.

syarah fathul bari 13283 “Ramai yang menyangka Qada’ dan Qadar bermakna Allah swt memaksa hamba mengikut apa yang telah ditetapkan. Hakikatnya bukan begitu. Qada’ dan Qadar ialah pemberitahuan bahawa Allah swt mengetahui segala usaha hamba dan ianya terjadi bertetapan dengan ilmu-Nya.

Sebagaimana kamu telah melibatkan diri ke dalam penagihan dadah, seperti itu juga kamu harus berusaha untuk meninggalkan dadah dan ia bukanlah sesuatu yang mustahil. Seperti mana yang difirmankan di dalam Al-Quran:

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا

Maksudnya:

Allah tidak Membebani seseorang melainkan sesuai dengan kesanggupannya.

Surah Al-Baqarah, Ayat 286

2.2 Akur dan Bertaubat

Yang pertama sekali yang harus dilakukan ialah akur dengan kesalahan mereka, akur bahawa dadah adalah haram di sisi Islam dan ia membawa kepada kesan-kesan negatif

yang lain, lalu pasangkan niat ingin berubah ke arah yang lebih baik dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Ini yang pertama sekali patut dilakukan kerana tanpa kesedaran diri dan keinginan untuk berubah, tidak ada seorang pun yang mampu mengubahnya ke arah yang lebih baik.

Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُعَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُعَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ

Bermaksud:

Sesungguhnya Allah tidak akan Mengubah keadaan suatu kaum sebelum mereka mengubah keadaan diri mereka sendiri.

Surah Ar-Ra'd, Ayat 11

Kemudian ajar mereka untuk bertaubat, kembali kepada jalan Allah SWT. Jika individu tidak mampu untuk meninggalkan dadah secara sepenuhnya atas sebab-sebab tertentu, mungkin akan menyebabkan keadaan yang lebih teruk. Maka sebaiknya adalah untuk meninggalkan dadah secara berperingkat. Sebagaimana yang difirmankan di dalam Al-Quran:

وَاسْتَغْفِرُوا رَبَّكُمْ ثُمَّ تُوبُوا إِلَيْهِ ۚ إِنَّ رَبِّي رَحِيمٌ وَدُودٌ

Bermaksud:

Dan mohonlah ampunan kepada Tuhan-Mu, kemudian bertobatlah kepadaNya. Sungguh, Tuhan-ku Maha Penyanyang, Maha Pengasih

Surah Hud, Ayat 90

2.3 Niat

Niat atau falsafah harus dituturkan oleh penagih dadah setiap hari supaya mereka tidak lupa akan tujuan mereka adalah niat untuk melepaskan diri dari penagihan dadah (Nurfatin Afza Mohamad Mura 2016). Menutur niat pada setiap hari akan menguatkan semangat mereka untuk berubah, tidak lupa akan tujuan mereka, tidak mudah lalai, dan pada akhirnya mampu untuk meninggalkan dadah.

Di dalam Hadith, Nabi SAW bersabda:

إِنَّمَا الْأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ, وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى

Bermaksud:

Sesungguhnya setiap amalan berdasarkan niat dan sesungguhnya setiap orang yang mengikut apa yang dia niat

Riwayat Bukhari (1) dan Muslim (1907)

Niat yang tulus kerana Allah SWT agar mendapat ganjaran pahala daripadaNya. Niat untuk berhijrah ke arah yang lebih baik tidak kurang kepentingannya, supaya dapat memperbaiki kehidupan kita dan pada masa yang sama dapat meraih ganjaran dari Allah SWT (Syarah Hadith 40 Imam Al-Nawawi & Tatmim Al-Kafi 2019).

3.0 Aqidah sebagai benteng

Pengajaran aqidah kepada penagih dadah adalah sangat penting supaya dapat memupuk rasa kehambaan kepada Allah SWT. Hidup ini bukan berlandaskan keinginan individu akan tetapi berlandaskan atas apa yang diturunkan dan ditetapkan oleh Allah SWT.

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا

Maksudnya:

Sembahlah Allah SWT dan janganlah kamu mempersekutukanNya dengan sesuatupun

(Surah An nisa' ayat 36)

Kekuatan aqidah mampu untuk menjadi benteng supaya dapat menahan diri daripada melakukan perkara-perkara yang diharamkan oleh Allah SWT. Sebagaimana firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

يَرْفَعُ اللَّهُ الَّذِينَ آمَنُوا مِنْكُمْ وَالَّذِينَ أُوتُوا الْعِلْمَ كَرَجَاتٍ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ خَبِيرٌ

Maksudnya:

Allah meninggikan darjat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan agama (dari kalangan kamu) beberapa darjat dan (ingatlah), Allah Maha Mendalam PengetahuanNya tentang apa yang kamu lakukan"

Al-Mujadalah, Ayat 11

2.2. Latar belakang pusat rawatan penagih dadah di pusat – pusat pemulihan di Malaysia dan pendekatannya

2.3. Latar Belakang Pusat-Pusat

2.4. Pondok Remaja Inabah 1 Malaysia.

Pondok Remaja Inabah merupakan sebuah institusi untuk aktiviti Tarikat Qadiriyyah Naqsyabandiyyah yang berpangkalan di Pondok Pesantren Suryalaya, Indonesia.

Terdapat tiga cawangan pondok ini di Malaysia, iaitu di Kuala Nerang (Jabal Suf, Kg Paya Mukim Padang Temak 06300 Kuala Nerang, Kedah Darul Aman), Terengganu, dan Sabah.

Pondok Remaja Inabah Kuala Nerang, Kedah diterajui oleh Pak Guru Hj. Mohd Zuki Assyuja' b. Shafie yang mula ditubuhkan pada tahun 1980 bertempat di rumah beliau sendiri di Kg. Pulau Bidin, Langgar, Alor Star, Kedah. Kemudian pada tahun 1996 berpindah ke Kg. Paya, Mukim Padang Temak, Kuala Nerang, Kedah.

Pada tahun 1991 ia menjadi Pusat Lanjutan PEMADAM Kebangsaan dan mendapat pengiktirafan sebagai Pusat Pemulihan Dadah Persendirian daripada Agensi AntiDadah Kebangsaan pada tahun 1998.

2.5. Pondok Remaja Inabah II terletak di Kuala Terengganu.

Pondok Inabah di Terengganu pada mulanya beroperasi secara kecil-kecilan di Surau Cerong Lanjut, di kota Kuala Terengganu, yang merupakan cabang Suryalaya Pesantren, Jawa Barat, Indonesia. Ia merupakan pusat rawatan dan pemulihan penagih dadah serta bagi mereka yang menderita penyakit mental (amentia) melalui pendekatan Islam secara umum dan khusus menggunakan pendekatan Tasawwuf untuk Program Inabah Belia II (PRI II) yang terletak di Desa Sungai Ikan, Kuala Terengganu di bawah bidang kuasa Ustaz Hj. Mohd Othman bin Abdul Latif sebagai wakil talqin Abah Anom. Namun, pada tahun 1990 ia bertukar lokasi ke Desa Sungai Ikan, Gemuruh, Kuala Nerus, Terengganu yang terletak 25 kilometres dari kota Kuala Terengganu. Ia dibina di kawasan yang seluas lebih kurang 10 ekar. Setelah Ustaz Hj. Mohd Othman meninggal dunia, inabah diambil alih oleh isteri dan anak-anaknya sehingga sekarang. (Dara Aisyah bt.H.M.Ali Puteh. 2013, 39).

2.6. Pondok Remaja Inabah Negeri Sembilan

Di Labu Negeri Sembilan pula, pondok Inabah terletak di Lama Batu 8, Kampung Masjid, 71800 Labu, Negeri Sembilan, Malaysia di bawah seliaan al Fadhil ustaz Haji Shaifudin.

Pada awalnya ia dinamakan Pondok Inabah Seremban namun kemudiannya bertukar kepada Pondok Inabah Labu.

Pusat-pusat Inabah ini beroperasi secara sah dari segi undang-undang di mana ia bernaung di bawah PEMADAM. Sehingga kini Inabah telah berjaya memulihkan sejumlah penagih-penagih dadah dan juga muda-mudi yang bermasalah untuk membaiki diri dan seterusnya kembali semula ke pangkuan masyarakat (Temubual Bersama Rizwan. 2021).



Gambar no 1: Pondok Inabah Negeri Sembilan



Gambar No 2: Muhamd Izwa
Staff di pondok inabah

2.7. MODEL ATAU KAEDAH PSIKO SPIRITUAL YANG DILAKSANAKAN SECARA UMUM

Maka Terdapat lima method atau kaedah yang digunakan dalam rawatan ini.

1. Pendekatan pertama ialah mandi taubat atau hidrotterapi. Mandi taubat ini dilakukan seawal pukul 5 pagi atau sebelum subuh selama 40 hari berturut-turut tanpa henti. Sekiranya terhenti, mandi taubat tersebut akan bermula dengan kosong kembali. Syarat mandi taubat ini ialah 40 gayung air dengan 40 kali bacaan doa ayat Al-Mukminun ayat 29. Sebab mandi taubat ini dibuat kerana secara biologinya, apabila seseorang itu memasukkan terlalu banyak bahan kimia di dalam tubuhnya akan mematikan rerambut sel yang terdapat di dalam badan seterusnya menyebabkan tahap fizikal dan mental menjadi lemah. Oleh hal yang demikian, mandi taubat ini dibuat bertujuan untuk menyuburkan kembali rerambut sel tersebut dengan lebih cepat sekaligus meningkatkan kembali kekuatan fizikal dan mental penagih ini.

2. Kaedah kedua ialah menekankan solat wajib iaitu solat 5 waktu, pusat ini juga menekankan 4 solat sunat iaitu solat sunat Qiammulail, solat sunat Taubat, solat sunat Tasbih, solat sunat Tahajud, solat sunat Hajat, solat sunat Dhuha, solat sunat Ba'diah maghrib dan solat sunat Mutlak.
3. Kaedah ketiga yang diamalkan oleh pusat pemulihan ini ialah zikir. Zikir yang diamalkan di pusat ini ialah tarikat Qadiriyyah dan juga tarikat Naqsyabandiyyah yang merupakan tarikat yang dikenali penggunaannya. Selain itu, penggunaan tarikat ini digunakan secara meluas di Malaysia. Pihak pemulihan ini bertanggungjawab selain solat, zikir juga merupakan salah satu makanan jiwa yang perlu ditekankan penggunaannya sejak kecil oleh ibu bapa dan dapat mengubati hati.
4. Perkara yang keempat ialah mendengar dan menghadiri majlis ilmu. Selain daripada itu, penagih di institusi ini juga diberikan ceramah-ceramah agama dan kuliah daripada tenaga penagih.
5. Pendekatan terakhir yang digunakan oleh keseluruhan pusat Inabah melalui khidmat bakti atau aktiviti sosial. (<http://sitiaminahsidek.blogspot.com> 2021).

3.0. Kaedah dan Konsep Rawatan dan Pemulihan dadah berasas Aqidah

Pada zaman sekarang isu dadah merupakan salah satu isu kesihatan awam yang sering diberi perhatian dan dikaitkan dengan pelbagai masalah jenayah dan kesihatan mental. Penagihan dadah amat sinonim dengan remaja khususnya dalam kalangan remaja yang berisiko (Ismail, Hafezi & Nor, 2014). Penglibatan golongan remaja dan lain-lain dalam masalah salah guna bahan menunjukkan berumur 19-50 tahun lebih dan menurut "Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman" berkata penyalah guna bahan berumur 19-39 tahun. (2020, h 416).

Peranan aqidah dalam menangani isu penagihan dadah wajar dikaji khususnya melalui aspek pencegahan. Hal ini kerana mencegah lebih baik daripada mengubati. Ditambah pula terdapat keperluan untuk menambah baik strategi pencegahan dadah sedia ada

(Arip et al., 2015). Oleh itu, kekuatan penghayatan aqidah merupakan kekuatan asas yang harus dikuasai oleh masyarakat khususnya remaja bagi membersihkan emosi, fikiran dan perlakuan daripada melakukan perkara-perkara yang bertentangan dengan kehendak Islam (al-Qaradāwī, 2005).

Menurut (Rosni Wazir, et al. 2020, h 417) dalam kajiannya menyatakan bahawa “pengaruh aqidah terhadap perubahan seluruh aspek kehidupan masyarakat Melayu tidak dapat dinafikan” aliran Ahli Sunah Wal Jamaah. Sistem pendidikan Islam yang sebegini tetapi terdapat beberapa cabaran yang menggugat keutuhan aqidah Islam di Malaysia. Cabaran tersebut adalah sama ada dalam bentuk dalaman ataupun luaran menyentuh aspek pemikiran dan penghayatan aqidah (Mohd Fauzi bin Hamat, 2008, h 20)

Maka dibdalam bab ini terdapat pelbagai kajian yang membincangkan faktor perlindungan seseorang terhadap penagihan dadah. Antara yang sering dibincangkan ialah aspek daya tahan seseorang (Zainah Ahmad Zamani et al., 2015). Daya tahan merupakan suatu kekuatan dalaman seseorang individu yang boleh membantu mereka untuk mengharungi kehidupan secara positif (Masten & Reed, 2002).

Oleh itu penghayatan aqidah berkait rapat dengan penghayatan agama kerana aqidah merupakan tiang utama agama (Rosni Wazir, et al. 2020, h 418). Sebagai komponen utama dalam rawatan penagih dadah ini ialah Aqidah (Iman) Ibadah (Islam) Akhlaq (Ihsan) (Saiful Amri 2019, h 205).

Dan setengah daripada rawatan yang di guna pakai di pusat Inabah Labu ialah mandi taubat firman Allah SWT:

وَتَوُوبُوا إِلَىٰ اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya:

Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya.

(Surah Tahrīm Ayat 8)

Dan firmanNya:

وَمَنْ لَمْ يُتَبِّ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ

Maksudnya:

Dan Barangsiapa yang tidak bertaubat, Maka mereka Itulah orang-orang yang zalim.

(Surat Al Hujurat Ayat 11)

Sebeda Nabi SWA.

وَاللّٰهُ اِنِّي لَاسْتَغْفِرُ اللّٰهَ وَاَتُوْبُ اِلَيْهِ فِي الْيَوْمِ اَكْثَرَ مِنْ سَبْعِيْنَ مَرَّةً

Ertinya:

Demi Allah, sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan memohon ampun kepada-Nya setiap hari lebih daripada 70 kali.

(Muhamad Ismail Ibrahim al mungirah Al Bukhari, 1987. No 6307. H83).

Kesemua ini pun berasaskan kepada rukun iman yang pertama iaitu percaya kepada Allah dan yang kedua percaya kepada Nabi Muhammad.

Allah berfirman Apakah salah hamba engkau hendaklah taubat engkau sentiasa diampun dan juga taubat itu ikut Nabi dan percaya kepada Nabi kerana Nabi kita bertaubat setiap hari 70 kali sehari dan Allah SWT menyuruh kita ikut Nabi sebagai firmanNya

وَمَا آتَاكُمْ الرَّسُوْلُ فَخُذُوْهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوْا

(Surah ayat)

Maksudnya:

Dan apa apa yang datang dari rasul maka handaklah ambilnya dan apa-apa yang tegah akan kamu daripadanya handaklah kamu jauh.

Maka disini setengah daripada aqidah kita, maka kena percaya kepada Rasul dan setengah daripadanya percaya dengan perbuatan Nabi SAW iaitu (Taubat).

- **Mandi Taubat berhubung dengan beriman kepada Rasululah SWA.**

Doa mandi taubat yang di lakukan oleh Inabah ialah baca:

رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ

Maksudnya:

Dan berdoalah, “Ya Tuhanku, tempatkanlah aku pada tempat yang diberkati, dan Engkau adalah sebaik-baik pemberi tempat”⁵²

(Surah Al Mukminun Ayat 29)

Setiap orang akan membaca 40 kali dan mecebuk air dalam kolah sebanyak 40 gayung dan setiap satu gayung maka satu kali bacaan.

Menurut pendekatan Inabah, orang-orang yang terlibat dengan penagihan dadah berada dalam keadaan kemabukan dan mereka perlu disedarkan dulu dengan cara mandi. Dari perspektif ilmu tasawuf, kelalaian dan kemabukan itu dihukumkan sebagai berjunub. Sebagaimana junub itu terangkat dengan mandi, maka demikian pula kelalaian dan

⁵² Dalam kitab (Ad-Dau' al-Lami fi A'yan al-Qarn at-Tasi bagi al-Sakhawi, T.T,) “ bahawa ibu rusalan kitika dikebumikan bahawa terdengar suara dari liyan lahat dengan katanya ‘ رَبِّ أَنْزِلْنِي مُنْزَلًا مُبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ . maka inilah tanda ahli atau hamba haba allah swa yang telah sampai keyakinan dan makam yang tinggi sehingga allah menzahirkan perkara perkara yang ijaib di atas dunia lagi, ini adalah kurnia daripada allah yang maha pemurahny. (Juz 1, h 184. Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah Asy-Syaukani, T.T, Al-Badru ath-Thali' bi Mahasin man ba'da, Juz 1, h 46).

kemabukan itu terhapus dengan mandi. Pendekatan mandi ini adalah berasaskan kepada petunjuk yang terdapat dalam firman Allah SWT:

وَإِنْ كُنْتُمْ جُنُبًا فَاطَّهَّرُوا

Maksudnya:

Sekiranya Kamu Berjunub Maka Bersucilah (Mandilah).

(Surah Al Maidah Ayat 6)

Juga berasaskan kepada firman Allah:

إِذْ يُغَشِّيكُمُ النُّعَاسَ أَمَنَةً مِنْهُ وَيُنزِلُ عَلَيْكُمْ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً لِيُطَهِّرَكُم بِهِ وَيُذْهِبَ عَنْكُم رِجْسَ الشَّيْطَانِ
وَلِيَرْبِطَ عَلَى قُلُوبِكُمْ وَيُثَبِّتَ بِهِ الْأَقْدَامَ

Maksudnya:

Ingatlah Ketika Allah menjadikan kamu mengantuk sebagai suatu penenteraman dariNya dan Allah menurunkan kepada kamu hujan dari langit untuk mensucikan kamu dengan air hujan itu dan menghilangkan dari kamu kotoran (gangguan) syaitan dan untuk menguatkan hati kamu dan memperteguhkan dengannya tapak kaki (pendirian) kamu.

(Surat-Al-Anfal-Ayat-11)

Falsafah mandi ini ialah sebagai usaha untuk membersihkan diri (taharah) secara zahir dan batin iaitu bersih badan dan jiwa. Dari segi praktikalnya, mandi taubat ini dilakukan dengan niat bertaubat atau menghilangkan dosa seluruh anggota tubuh mulai hujung rambut sampai hujung kaki. Caranya ialah dengan mengalirkan air ke seluruh

permukaan tubuh dari atas ke bawah. Ketika mandi sentiasa dibacakan doa yang merupakan sepotong ayat Al-Quran iaitu yang bermaksud:

“wahai Tuhanku tempatkanlah aku di tempat yang berkat kerana Engkau adalah sebaik-baik yang memberi tempat”.

(Surah Al Mukminun Ayat 29)

Mandi taubat ini dilakukan di waktu tengah malam iaitu sebelum melakukan solat tahajjud di mana suhu persekitaran adalah rendah. Demikian juga, ia dilakukan setiap kali sebelum mendirikan solat waktu.

Mandi sebelum subuh itu menjadikan badan kita sihat, segar dan menghilangkan tekanan dan kemurungan (<https://sumut.idntimes.com>).

Maka mandi taubat ini mengandungi manfaat psikologi iaitu ia merupakan ekspresi dari keinginan untuk membersihkan diri dari dosa anggota tubuh secara keseluruhan. Di samping itu, ia juga mempunyai manfaat terapeutik terhadap penyakit atau gangguan biologis (fizikal) yang bersifat psikosomatik. Selain itu ia juga, dilihat sebagai hidroterapi. Menurut penelitian pakar, mandi di waktu tengah malam dalam keadaan kesejukan ini menjadikan pembuluh darah di bahagian permukaan mengecut atau mengecil sehingga darah berjalan laju dan bergerak dengan lebih banyak ke bahagian otak dan tubuh bahagian dalaman. Ia menjadi hidroterapi yang sangat efektif, menyegarkan jiwa raga yang pernah terseksa dengan racun dadah dan sebagainya.

Maka jelaslah bahawa huraian diatas dapat kita kaitkan dengan aqidah kerana kita semua percaya dan beriman kepada Rasul-Rasul, maka apa yang beliau buat menambah keyakinan kita terhadap Allah SWT dan dengan sebab yakin itulah kita dapat merawat hati hati yang gelap dan kotor dengan dosa-dosa yang telah dilakukan pada masa lalai.

- **Zikir Jahr berhubung dengan keyakinan**

Zikir jahr ialah zikir kalimah tauhid yang diucapkan dengan lidah dengan syarat dan cara tertentu.

Zikir kalimah tauhid ialah:

لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya:

Tiada Tuhan Melainkan Allah; Muhammad Itu Pesuruh Allah.

(Sulaiman ibn Ahmad At-Tabarani.1983, h 76 No 11093)

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ آخِرُ كَلَامِهِ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ دَخَلَ الْجَنَّةَ

Maksudnya:

Barangsiapa yang akhir katanya lailaha illah, maka dia akan masuk syurga

(Abu Daud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi.h 159. No 3118)

Maka ini setengah daripada psikoterapi atau terapi Islam yang bermaksud merawat penyakit mental, spiritual, moral dan fizikal berdasarkan kaedah-kaedah yang digariskan oleh Islam yang diperoleh daripada Al-Quran, al-Sunnah, orang soleh dan ilmu pengetahuan Islam (M. Hamdani 2001). Ia juga merupakan satu terminologi yang

menunjukkan aspek praktikal atau aplikasi daripada psikologi spiritual Islam (Che Zarrina Saa'ri dan Joni Tamkin Borhan 2008). Antara kaedah psikologi bagi meningkatkan kepercayaan dan keyakinan diri pesakit adalah dengan kaedah pemulihan kekuatan jiwa pesakit, rawatan akan cepat memberi kesan kepada proses penyembuhan berterusan. (Ahmad A'toa' Bin Mokhtar¹, Mardiana Binti Mohd Noor, 2021, H205).

Zikir zikir ini bukan hanya diucapkan, malah ditanamkan dalam diri manusia sehingga keyakinannya menjadi kuat dan perilaku serta amalannya menjadi baik. Menerusi pendekatan Inabah, zikir kalimah tauhid ini diamalkan setiap kali selepas solat fardhu sejumlah paling kurang 165 kali. Praktik menanam kalimah tauhid ini berasaskan kepada petunjuk yang terdapat dalam firman Allah SWT:

أَمْ تَرَ كَيْفَ ضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا كَلِمَةً طَيِّبَةً كَشَجَرَةٍ طَيِّبَةٍ أَصْلُهَا ثَابِتٌ وَفَرْعُهَا فِي السَّمَاءِ تُؤْتِي أُكْلَهَا كُلَّ حِينٍ بِإِذْنِ رَبِّهَا
وَيَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ لِلنَّاسِ لَعَلَّهُمْ يَتَذَكَّرُونَ وَمَثَلُ كَلِمَةٍ خَبِيثَةٍ كَشَجَرَةٍ خَبِيثَةٍ اجْتُثَّتْ مِنْ فَوْقِ الْأَرْضِ مَا لَهَا مِنْ قَرَارٍ

Maksudnya:

Tidakkah kamu perhatikan bagaimana Allah telah membuat perumpamaan kalimah yang baik seumpama pohon yang baik, tunjangnya teguh dan cabangnya sampai ke langit (menjulang tinggi), ia membuahkan hasilnya setiap ketika dengan izin Tuhannya, dan Allah membuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia supaya mereka selalu ingat”.

(Surah Ibrahim Ayat 24-26)

Ia juga berasaskan kepada hadis Nabi SAW:

الإِيمَانُ بِضْعٌ وَسَبْعُونَ أَوْ بِضْعٌ وَسِتُّونَ شُعْبَةً فَأَفْضَلُهَا قَوْلُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ

Maksudnya:

Iman itu mempunyai 70 lebih atau 60 lebih cabang iman. Yang paling afdhalnya ialah ucapan “ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ ” .

(Muslim ibn al-Hajjaj, h 46 no 162).

Kalimah tauhid yang juga disebut sebagai kalimah tayyibah dapat menyucikan diri seseorang itu daripada syirik jali sebagaimana ia dapat membersihkan jiwa seseorang itu daripada syirik khafi serta menjadikannya ikhlas dan murni. Begitu juga kalimah ini dapat membuang hijab-hijab hati yang berkait dengan kebendaan serta membersihkan jiwa daripada segala kekotoran dan sifat-sifat kebinatangan.

Apabila kita melakukan zikir ini maka bertambah keyakinan kita dengan Allah SWT. Maka pencapaian ini akan memperkukuhkan keimanan diri seterusnya menjadi benteng yang dapat memelihara diri dari perkara yang tidak baik. Terdapat kaedah yang diguna oleh Inabah iaitu zikir jahr dan zikir khafi.

- **Qiyam al-Lail berhubung dengan percaya pada hari pembalasan**

Qiyam al-lail merupakan amalan yang paling penting dalam proses pemulihan menerusi kaedah Inabah. Pengisian bagi qiyam al-lail ini ialah dengan mempraktikkan mandi taubat, solat sunat dan juga zikir. Praktik qiyam al-lail ini adalah merujuk kepada firman Allah SWT:

وَمِنَ اللَّيْلِ فَتَهَجَّدْ بِهِ نَافِلَةً لَكَ عَسَىٰ أَنْ يَبْعَثَكَ رَبُّكَ مَقَامًا مَّحْمُودًا

Maksudnya:

dan pada sebahagian malam bersembahyang tahajjudlah kamu sebagai satu ibadah tambahan mudahan Tuhanmu mengangkatmu ke tempat terpuji.

(Surah Al-Isra Ayat 79)

Qiyam al-lail ini mempunyai elemen tazkiyat al-nafs yang sangat tinggi. Ini merujuk kepada bangun di waktu malam adalah lebih tepat dan bacaan di waktu itu lebih berkesan.

Terdapat seseorang yang sedang dirawat di klinik pada ketika itu sudah jatuh sakit tiba-tiba dia cuba menunaikan solat tahajud sekadar mampu dilakukan olehnya, maka terdapat “khasiat solat tahajud dapat menyembuhkan penyakit”(Wiliani Uki Purbawanti, 2018, h 76-77).

Menerusi kaedah Inabah, peserta dikehendaki bangun awal pagi iaitu sekitar jam 3 atau 4 pagi lalu melakukan mandi taubat. Setelah ini dia dikehendaki melakukan beberapa rakaat solat sunat iaitu (solat tahajjud) seperti yang telah ditetapkan sehinggalah sampai waktu subuh. Perkara ini dilaksanakan pada tiap-tiap malam sepanjang tempoh pemulihan. Maka dengan sebab mengerjakan Qiyam al lail ini dapat menambahkan keyakinan tentang balasan hari akhirat atau hari balasan yang mana di sebut dalam rukun iman yang kelima ialah beriman kepada hari Kiamat. Sabda Rasulullah SWA:

أَنْ تُؤْمِنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ ، وَكُتُبِهِ ، وَرُسُلِهِ ، وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ، وَبِالْقَدَرِ حَيْثُ وَشَرَّهُ

Maksudnya:

Engkau Beriman Kepada Allah Subhanuhu Wa Ta'ala, Malaikat-Nya, Kitab-Nya, Rasul-Nya, Hari Akhir, Dan Supaya Engkau Beriman Kepada Takdir Baik Dan Buruk

(Imam Ahmad, h 323, No 192)

Dapat disimpulkan bahawa Qiyam al-lail ini mempunyai hubungan rapat dengan akidah ialah hubungan beriman kepada qada dan qadar (Takdir Baik Dan Buruk). Maka dengan ini dapat menenangkan hati daripada ulang untuk nak membuat jahat lagi apabila tenang hati tidak ada gangguan maka selamatlah manusia itu dari segala gala.

- **Puasa berhubung dengan percaya dan bertakwa kepada Allah dan Malaikat**

Kita telah maklum bahawa ibadah yang dilakukan oleh seorang hamba tidak terlepas dari yayasan aqidah kerana aqidah di dalam agama laksana yayasan bagi sebuah bangunan. Tanpa akidah, maka ibadah akan lenyap dan runtuh begitu saja walaupun nampak hebat.

Manakala pula bagi ibadah puasa, apabila kita lihat hikmah daripada ibadah puasa, iaitu membentuk peribadi yang bertakwa. Sebab sesungguhnya ketakwaan itu merupakan perpaduan antara amal zahir dan amal batin. Oleh sebab itu, Thalq bin Habib rahimahullah menafsirkan takwa,

الْعَمَلُ بِطَاعَةِ اللَّهِ، عَلَى نُورٍ مِنَ اللَّهِ، رَجَاءَ ثَوَابِ اللَّهِ، وَتَرْكِ مَعَاصِي اللَّهِ، عَلَى نُورٍ مِنَ اللَّهِ، مَخَافَةَ عَذَابِ

اللَّهِ

Maksudnya:

Melaksanakan ketaatan kepada Allah di atas cahaya dari Allah seraya mengharap pahala Allah. Meninggalkan maksiat kepada Allah di atas cahaya dari Allah seraya merasa takut akan hukuman Allah. (Saleh Abdullah, T.T, j 2, h 411).

Dan Ibnu Ruslan rahimahullah menafsirkan keyakinan:

أول واجب على الإنسان ... معرفة الإله باستيقان

Maksudnya:

Hal yang pertama diwajibkan atas manusia adalah mengetahui tentang Tuhan dengan meyakinkannya. (Ibnu Ruslan, Safwatul az Zubabd, h33).

Puasa juga merupakan satu amalan yang dilaksanakan dalam proses pemulihan menerusi kaedah Inabah. Puasa mempunyai elemen tazkiyat al-nafs yang tinggi. Ini merujuk kepada hadis Nabi SAW:

يَا مَعْشَرَ الشَّبَابِ مَنِ اسْتَطَاعَ مِنْكُمُ الْبَاءَةَ فَلْيَتَزَوَّجْ وَمَنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَعَلَيْهِ بِالصَّوْمِ فَإِنَّهُ لَهُ وِجَاءٌ

Maksudnya:

Wahai sekalian pemuda! Siapa di antara kamu yang mampu berkahwin maka hendaklah ia menikah, karena hal itu lebih menjaga pandangan dan lebih memelihara syahwat (kemaluan). Namun, siapa yang belum sanggup (menikah), maka hendaklah ia berpuasa karena itu memutuskan (syahwat).

(Imam Muslim,h 1018, No 1400)

Menerusi kaedah Inabah, puasa tidaklah dimestikan. Walau bagaimanapun ia sangat digalakkan terutamanya bagi mereka yang sudah memperolehi kesedaran jiwa dan keyakinan terhadap Allah SWT sepenuhnya. Para peserta digalakkan melakukan puasa isnin khamis, puasa kifarfat (tiga hari setiap bulan) dan puasa baydh (awal bulan, tiga hari di pertengahan bulan dan akhir bulan).

Jelas dari hadith diatas bahawa dengan amalan puasa dapat menambah keyakinan dalam rohani seseorang sehingga melahirkan pada anggota zahir dapat menahan dari melakukan perkara maksiat seperti makan atau minum yang membawa kepada hilang akal fikiran seseorang. Apabila bersih diantara anggota zahir dan batin maka penagih itu menjadi seorang yang dihargai oleh syarak dan masyarakat, walau bagaimanapun keadaan ia sentiasa sedar dan tidak akan kembali menagih dadah lagi. Maka dengan perkara inilah menjadi yakin kepada Allah SWT dan Malaikatnya dan Allah SWT berfirman:


وَلَقَدْ كَرَّمْنَا بَعْضَ جَهَنَّمَ كَثِيرًا مِّنَ الْجِنِّ وَالإِنسِ لَهُمْ قُلُوبٌ لَّا يَفْقَهُونَ بِهَا وَهُمْ أَعْيُنٌ لَّا يُبْصِرُونَ بِهَا وَهُمْ آذَانٌ لَّا يَسْمَعُونَ بِهَا
أُولَئِكَ كَالْأَنْعَامِ بَلْ هُمْ أَضَلُّ أُولَئِكَ هُمُ الْغَافِلُونَ

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami jadikan untuk neraka jahanam banyak dari kalangan jin dan manusia yang mempunyai hati (tetapi) tidak mahu memahaminya (ayat-ayat Allah), dan yang mempunyai mata (tetapi) tidak mahu melihat atau berfikir dengannya (bukti keesaan Allah) dan yang mempunyai telinga (tetapi) tidak mahu mendengar dengannya (ajaran dan nasihat); mereka itu seperti binatang ternak, bahkan mereka lebih sesat lagi; mereka itulah orang yang lalai.

(Surah al-A'raaf, ayat 179)

Rajah rawatan yang dilakukan dan hubungan dengan Allah SWT



Kesimpulan

Hasil dari kajian diatas bahawa secara umumnya ialah kaedah rawatan melalui pendekatan tarikat yang berasas aspek aqidah. Setiap mereka yang mula masuk di sini akan menjalani beberapa kaedah rawatan utama iaitu 1. Mandi Taubat 2. Zikir 3. Qiyam al lail 4. Puasa. Dan dipusat ini menekankan konsep pembinaan serta bimbingan rohani dan jasmani, Ma'rifatullah (mengenal Allah), dan taubat lagi Pengisian dalam Rawatan dan Pemulihan pula terdiri dari: Talqin dan Bai'h (janji), Zikir, Solat (Fardhu dan Sunat), (Muhammad Izwa. 25, 2021). Kesemua perkara ini melahirkan elemen-elemen aqidah yang berkait dengan kefahaman, perasaan, amalan, kepercayaan, pengharapan, pengawasan dan konsep balasan. Menjadi Islam bukan cukup sekadar percaya, namun bagi memastikan

'percaya' itu memberi kesan dalam kehidupan harian maka perlu kepada iman yang berada pada tahap yakin yang sebenar yakni tahap (الحق اليقين). Hasil daripada keimanan serta kepercayaan pada tahap yakin akan menghalang seseorang daripada melakukan kejahatan mahupun kemaksiatan. Dan seseorang itu bukan sekadar tahu Allah Maha Melihat, tetapi tahu dan yakin dan rasa yang Allah Maha Melihat.

Rujukan

Abdulloh Salaeh, Syed Najihuddin, Syed Hassan, Amran Abdul Halim, Muhammad Widus Sempo, Mohd Fauzi bin Mohd Amin, Nidzamuddin Zakaria, Walid Mohd Said, (2020). Permasalahan Qada' dan Qadar yang disalahfahami berkaitan Covid 19.

Abu Daud Sulayman ibn Ash`ath al-Azadi, T.T. Sunan Abu Dawud, Dar al-Kitab al-Arabi, Beirut.

Ahmad A'toa' Bin Mokhtar¹, Mardiana Binti Mohd Noor, 2021, Zikir Dan Tafakkur Asas Psikoterapi Islam, Jurnal Pengajian Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Ahmad al Husain Ali Ibnu Ruslan, 2009, Safwatul Az Zubad, tahkik ahamad hasyim muhsmad al Muhammad, daru al minhaj, Judah.

Ahmad bin Ali bin Hajr Al-Asqalani, Fathul Bari Syarah Sohihul Bukhari

Ahmad Bin Muhamd Ibnu Hambal, 1998. Musnat Ahmad Ibnu Hambal, alam al kutub, Beirut.

Amran Idris, Fuziah Shaffie & Saralah Devi Mariamdaran, 2020, Kesan Modul Intervensi Pendekatan Terapi Realiti terhadap Perubahan Keyakinan Diri Berubah dalam kalangan Penagih Dadah, Jurnal Pembangunan Sosial.

Che Zarrina Saa'ri dan Joni Tamkin Borhan (2008). Relationship Between Sufism and Islamic Psychospirituality" dlm. Akbar Husain et al. (ed) Horizon of Spiritual Psychology. India: Global Vision Publishing House

Dara Aisyah bt.H.M.Ali Puteh. Norizan bt. Abdul Ghani, Ibrahim bin Mamat, 2013. Drug Addict Treatment And Rehabilitation Programme At Pondok Inabah, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia , British Journal of Social Sciences The Menace Of Corruption

Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri, 2019. Syarah Hadis 40 Imam Al-Nawawi & Tatmim Al-Kafi Fajar Pustaka,

Hadijah Baba, Wan Shahrazad Wan Sulaiman, Fauziah Ibrahim, Norulhuda Samon, (2018). Faktor-faktor penyumbang kecenderungan situasi berisiko tinggi dalam kalangan penagih dadah berulang di Malaysia,

Imam Ghazali, 1993. Ihya' Ulumiddin(Terj), Semarang : CV.Asy-Syifa'

M. Hamdani Bakhran Adz-Dzaky (2001). Psikoterapi dan Kaunseling Islam. Yogyakarta:

Masten, A. S. & Reed, M. G. (2002). Resilience in development. handbook of positive psychology. New York: Oxford University Press.

Mohamad Hilmi Mat Said, Paridah binti Mohd Ali, Fara Hazlini, Mohd Somdan lain, 2020. Faktor Faktor Yang Mempengaruhirelapsorang Kena Pengawasan (Okp)Dalam Penagihan Dadah : Kajian Kes Di Felda Keratong, International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC), CopyrightUniversiti Malaysia Pahang.

Mohd Fauzi bin Hamat, 2008, Cabaran Pengukuhan Akidah Di Malaysia: Tumpuan Aspek Pendekatan Pengajaran, Jurnal Penyelidikan Islam, Bil. 21, Putrajaya: JAKIM.

Muhamad Ismail Ibrahim al mungirah Al Bukhari, 1987.Sahih Al Bukhari, Daru Syakbi, Al Khahirah

Muhammad bin Ali bin Muhammad bin Abdullah Asy-Syaukani, T.T, Al-Badru ath-Thali' bi Mahasin man ba'da.

Muhammad ibn 'Abd al-Rahmān Al-Sakhawi, T.T, Ad-Dau' al-Lami fi A'yan al-Qarn at-Tasi.

Muhammad Khairi Mahyuddin, (2018). Pendekatan islam dalam rawatan dan pemulihan dadah (narkoba). *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*

Muslim, H. (2006). Sahih Muslim. Beirut: Dar Ihya Turath Arabi.

Rokiah Ismail, (2010), Permekasaan pengguna dadah dalam institusi pemulihan di Malaysia: Ke arah menjamin kesejahteraan individu dan masyarakat,

Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Saleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman, 2019. Hadis Targhib Dan Tarhib Dalam Menangani Isu Penagihan Dadah, *Journal Hadis, Institut Kajian Hadith (INHAD) Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor.*

Rosni Wazir, Abur Hamdi Usman, Norsaleha Mohd Salleh, Suriani Sudi, Abdul Hadi Awang & Syamim Zakwan Rosman. 2020. Pencegahan dadah dalam kalangan belia berisiko melalui elemen penghayatan akidah, *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues, Faculty of Islamic Civilisation Studies, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).*

Sabir Abdul Ghani, Fadzli Adam. (2014). Pemulihan dadah menurut perspektif agama di Malaysia. *Drugs Abuse and Rehabilitation in Religion in Malaysia.*

Saiful Amri 2019, 50Model of Psycho Spiritual Therapy Based on al-Quran and Hadith in the Treatment of Drug Addiction, Proceedings of the 6th International Conference on Quran as Foundation of Civilisation (SWAT 2019) FPQS,Universiti Sains Islam Malaysia

Saleh Abdullah, T.T, Nadratun Naim fi Makarimil Akhlak Rasulil, Dar Al-Wasilah, Judah.

Sulaiman Ahmad, 1983. Al-Mu'jam al-Kabir, Tahkik : Hamdi Bin Abdul Hamid, Maktabah Al Ulum Wal Hikam.

Syarifah Gustiawati Mukri. 2015. Metode Pendidikan Islam Dalam Penanggulanganpenyalahgunaan Narkoba Bagi Remajadi Pondok Remaja Inabah Suryalaya Tasikmalaya Ta'dibuna, *Jurnal pendidikan Agama Islam. UNISSULA*

Temu bual bersama dengan Muhammad Izwa. Hari rabu 25, 2021 jam 9.00 pagi.

Wiliani Uki Purbawanti, 2018, Prodi Akidah Dan Filsafat Islam, Fakultas Ushuluddin Dan Filsafat Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya.

Zainah Ahmad Zamani, Rohany Nasir, Asmawati Desa, Rozainee Khairudin & Fatimah Yusoff. (2015). Kefungsian keluarga, pengherotan kognitif dan resilien dalam kalangan klien Cure and Care Rehabilitation Centre (CCRC) dan Klinik Cure and Care (C&C). Jurnal Antidadah Malaysia.

Zarina Othman, Nor Azizan Idris, Mohamad Daud Druis, (2015). Penyalahgunaan dadah sebagai ancaman keselamatan: Analisis keberkesanan program kerajaan dalam mengekang pengrekrutan penagih dadah di Malaysia.

George F Koob, Nora D Volkow, (2009). Neurocircuitry of addiction.

<https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC2805560/>

<https://www.adk.gov.my/en/public/drugs-statistics/>

Nurafifah Binti Kamarudin, Nurafifah Binti Kamarudin, (2015). Kerinduan atau ketagihan terhadap dadah: punca belia kecundang dan kembali menagih,

<http://103.18.93.160/bitstream/123456789/14908/1/Bab%2021%20Kerinduan%20Atau%20Ketagihan%20Terhadap%20Dadah%20Punca%20Belia%20Kecundang%20Dan%20Kembali%20Menagih.pdf>

Nurfatin Afza Mohamad Murad, Nobaya Ahmad, Hanina Halimatusaadia Hamsan, (2016). Program rawatan dan pemulihan dadah di pusat pemulihan penagihan dadah, Kuala Lumpur. Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH),

<file:///D:/Articles%20on%20Akidah%EF%80%A8/15-Article%20Text-45-3-10-20200821.pdf>